

**MEDIA PENERBITAN DAN PENYEBARAN IDEA IDENTITI SENI  
BINA MALAYSIA: PENGAJARAN DARIPADA PERGERAKAN  
ARTS AND CRAFTS DI BRITAIN DAN INSTITUSI DEUTSCHE  
WERKBUND DI JERMAN**

**KAMARUL AFIZI BIN KOSMAN**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

MEDIA PENERBITAN DAN PENYEBARAN IDEA IDENTITI SENI BINA  
MALAYSIA: PENGAJARAN DARIPADA PERGERAKAN ARTS AND CRAFTS  
DI BRITAIN DAN INSTITUSI DEUTSCHE WERKBUND DI JERMAN

KAMARUL AFIZI BIN KOSMAN

Tesis ini dikemukakan  
sebagai memenuhi syarat penganugerahan  
ijazah Sarjana Seni Bina

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

MAC 2006

Dipersembahkan khas untuk isteri yang tercinta, Juliana Binti Seman serta permata  
hati papa, Nur Kamalin Sofiya dan Mohammad  
Arif Syahmi yang begitu memahami dan  
membahagiakan ku selama ini .....

## PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT, yang menggenggam apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi serta dengan segala izin dan hidayah dari-Nya, maka Tesis ini dapat selesai sebagai mana mestinya. Selawat dan salam semoga sentiasa tercurah kepada Rasulullah Muhammad SAW serta seluruh keluarga, sahabat, dan orang-orang yang istiqamah di jalannya hingga akhir zaman.

Penghargaan, penghormatan dan ucapan terima kasih sebesar-besarnya saya sampaikan kepada Prof. Dr Mohamad Tajuddin Mohd Rasdi atas segala bimbingan, nasihat, arahan dan dorongannya dalam penyelesaian tesis ini.

Penghargaan, penghormatan dan ucapan terima kasih yang sama juga ditujukan kepada Dr Syed Ahmad Iskandar Ariffin atas segala kritikan dan saranan yang membangun selama proses penulisan tesis ini.

Ucapan terima sampaikan kepada tiga orang insan yang banyak berkorban serta menjadi inspirasi utama kepadaku iaitu isteri tercinta Juliana Binti Seman dan dua permata hati papa Nur Kamalin Sofiya dan Mohammad Arif Syahmi.

Juga ucapan terima kasih kepada ahli keluarga yang telah banyak berkorban dan menyumbang kepada pencapaian yang telah dikecapi olehku sehingga ke tahap ini iaitu kedua-dua ibubapa tercinta, Kosman Bin Simin dan Allahyarhamah Zaitun Binti Mat Derus, kedua-kedua nenda tercinta, Allahyarhamah Zainab Binti Mat Derus dan Allahyarhamah Laminam Binti Noyo, ibu dan bapa saudara, Mohd Emran Bin Abdullah dan Patunah Binti Simin serta bapa dan ibu mertua, Seman Bin Ismail dan Nadzirah Binti Mohd Shah.

Ucapan terima kasih dan penghargaan juga disampaikan kepada tiga orang rakan seperjuangan, Rosdan Abdul Manan, Nangkula Utaberta dan Mastor bin Surat yang telah banyak membantu dengan memberikan pandangan yang kritis, dan berdiskusi tentang hala tuju tesis ini.

Ucapan jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Prof.Dr. Mohd Fauzi Mohd Zain, Ketua Jabatan Seni Bina UKM yang telah banyak membantu khususnya dalam urusan pelepasan cuti belajar, Dekan Fakulti Kejuruteraan, Prof. Ir. Dr. Hassan Basri yang sentiasa bersikap terbuka dan banyak memberi dorongan, pihak majikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan juga penaja sepanjang cuti belajar ini iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Ucapan terima kasih juga disampaikan kepada pihak-pihak yang banyak membantu dalam urusan mencari maklumat, Institut Alam Dan Tamadun Melayu (ATMA), Pusat Sumber NST, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Perpustakaan Negara dan Karangraf Sdn Bhd.

Ucapan terima kasih disampaikan kepada rakan seperjuangan di UKM, Nik Lukman, Abdul Halim, Izi dan Rasdan yang telah menjadi teman diskusi dan tempat bertukar cerita bagi penulis.

Ucapan terima kasih juga disampaikan kepada kakitangan pentadbiran di JPA, Pendaftar UKM, Pejabat Dekan Fakulti Kejuruteraan dan Jabatan Seni Bina yang banyak membantu dalam melancarkan urusan teknikal sepanjang tempoh cuti belajar ini

Ucapan terima kasih juga penulis sampaikan kepada pelbagai pihak yang telah membantu selama proses penghasilan tesis ini, semoga Allah membalas kebaikan hati anda semua dan menaungi dengan rahmat-Nya.

## ABSTRAK

Krisis identiti seni bina yang wujud di Malaysia sejak empat dekad yang lalu telah mengundang pelbagai kritikan dan pandangan daripada tokoh-tokoh seni bina di negara ini. Walau bagaimanapun, kebanyakan pandangan yang diutarakan oleh tokoh-tokoh tersebut hanya berkisar di sekitar permasalahan reka bentuk sahaja manakala permasalahan dari sudut perlaksanaannya begitu jarang diperkatakan. Permasalahan dalam penyebaran idea identiti seni bina melalui kaedah penerbitan di Malaysia dilihat sebagai salah satu daripada masalah pelaksanaan yang menjadi punca kepada wujudnya krisis identiti seni bina tersebut di mana idea-idea yang diutarakan oleh pendokong gagasan tersebut tidak diterima dan dihayati di peringkat akar umbi. Kajian terhadap penerbitan buku, majalah dan akhbar yang membincangkan mengenai isu seni bina Malaysia sejak empat dekad yang lalu telah dilaksanakan dengan tujuan untuk melihat sejauh mana wujudnya permasalahan dalam penyebaran idea identiti seni bina di Malaysia melalui medium-medium tersebut. Secara umumnya, pelaksanaan tesis ini berdasarkan kaedah kritikan sejarah yang mana penilaian serta cadangan terhadap penyelesaian masalah penerbitan identiti seni bina Malaysia tersebut dibuat berdasarkan nilai penyebaran idea yang dilaksanakan oleh dua pergerakan seni bina terdahulu yang wujud di Eropah iaitu Pergerakan Arts and Crafts di Britain dan Institusi Deutsche Werkbund di Jerman.

## ABSTRACT

The crisis of an architectural identity which occurred in Malaysia since the last four decades have attracted several criticism and opinions from architectural notaries in this country. Despite many opinions by these individuals, most of the discussions about architectural identity has only revolved around design problems while the problems of the execution of these ideas is rarely revealed. The problems with idea dissemination pertaining to architectural identity through publication methods in Malaysia has been seen as one of the execution problems which contribute to the causes of the crisis in architectural identity. The problem comes when ideas from the prime movers of the discourse are not received by the general public. The purpose of this research is to identify the kinds of Malaysian architectural issues as discussed in the publication of books, magazines and newspapers and to find out how far the problems in dissemination of ideas about a national identity in Malaysian architecture has occurred through those particular mediums. Generally, the method of research used in this thesis rely on the historical methodology. The publication frameworks as derived from two important movers of modern architecture in Europe; the Arts and Crafts Movement in Britain and Deutsche Werkbund Institution in German, are used as the evaluation parameters in this study.



**KANDUNGAN**

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKASURAT</b>
	<b>JUDUL</b>	i
	<b>PENGAKUAN</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	vii
	<b>ABSTRACT</b>	viii
	<b>KANDUNGAN</b>	ix
<b>1</b>	<b>Pengenalan</b>	
	1.0 Pendahuluan	1
	1.1 Kenyataan Masalah	5
	1.2 Matlamat Kajian	11
	1.3 Methodologi dan Skop Penyelidikan	12
	1.4 Struktur Kajian	14
	1.5 Rumusan	18

<b>2</b>	<b>BEBERAPA PENDEKATAN DALAM PENULISAN DAN PENERBITAN ISU IDENTITI SENI BINA DI MALAYSIA</b>	
2.0	Pendahuluan	20
2.1	Perbincangan Mengenai Permasalahan Identiti Seni Bina Dari Sudut Pendekatan Reka Bentuk	21
2.2	Perbincangan Mengenai Permasalahan Identiti Seni Bina Dari Sudut Kaedah Perlaksanaannya	27
2.3	Pendekatan yang Menjadi Idea Teras Kepada Tesis Ini	32
2.4	Rumusan	33
<b>3</b>	<b>PENGERTIAN IDENTITI DALAM SENI BINA, PERMASALAHAN SERTA PERANAN MASYARAKAT DALAM PEMBANGUNAN - NYA DI MALAYSIA</b>	
3.0.	Pendahuluan	34
3.1	Definisi Seni Bina	35
3.2	Perkembangan Seni Bina Di Malaysia Menjelang Era-Pasca Merdeka	39
3.3	Penerapan Ciri-ciri Identiti Nasional Terhadap Seni Bina di Malaysia	41
3.4	Definisi Identiti Seni Bina Nasional	43
3.5	Krisis Identiti Seni Bina Di Malaysia	46
3.6	Sebab Dan Bentuk Krisis Identiti Seni Bina yang Wujud Di Malaysia.	48

3.6.1	Kekeliruan Terhadap Ciri Asas Kepada Pembangunan Identiti Nasional.	48
3.6.2	Pemahaman yang Sempit Terhadap Keperluan Identiti Di dalam Seni Bina	52
3.7	Kesan Buruk Daripada Krisis Identiti Seni Bina Terhadap Masyarakat di Malaysia	54
3.7.1	Kelonggaran Ikatan Komuniti di Kawasan Bandar	55
3.7.2	Ancaman Terhadap Aspek Keselamatan Masyarakat	58
3.7.3	Deraan Emosi Masyarakat Yang Berpanjangan.	62
3.7.4	Pemisahan Nilai Moral Dan Etika Dalam Kehidupan Masyarakat	65
3.7.5	Penurunan Kualiti Kesihatan Masyarakat	69
3.6.6	Ancaman Kehabisan Sumber Tenaga Dan Kepincangan Ekonomi Masyarakat Pada Masa Hadapan.	71
3.8	Identiti Seni Bina Bukan Hanya Terbina Oleh Gaya Rupa Sahaja	74
3.9	Perubahan Gaya Hidup Masyarakat Sebagai Penaung Baru Dalam Pembinaan Identiti Seni Bina di Malaysia	76
3.10	Perlunya Kajian Lanjut Terhadap Lanjur Tahap Kefahaman Dan Penglibatan Masyarakat Dalam Pembangunan Identiti Seni Bina di Malaysia Sejak Empat Dekad yang Lalu.	80
3.11	Rumusan	81

**4 PENYEBARAN IDEA MELALUI PENERBITAN SEBAGAI SALAH SATU LANGKAH MENARIK PENGLIBATAN MASYARAKAT DALAM PEMBANGUNAN IDENTITI SENI BINA DI MALAYSIA**

4.0.	Pendahuluan	82
4.1	Kepentingan Masyarakat Dalam Pembangunan Identiti Seni Bina di Malaysia	83
4.2	Permasalahan Mengenai Kurangnya Pemahaman Masyarakat Terhadap Isu Identiti Seni Bina di Malaysia.	87
4.3	Perlunya Usaha Penyebaran Idea Identiti Seni Bina Kepada Masyarakat di Malaysia.	89
4.4.	Penerbitan Buku, Majalah Dan Akhbar Merupakan Antara Kaedah Penyebaran Idea yang Berkesan Kepada Masyarakat.	92
4.5.	Pendapat Bahawa Penerbitan Buku, Majalah Dan Akhbar Adalah Kaedah Penyebaran Idea Terbaik Kepada Masyarakat Mengenai Isu Identiti Seni Bina di Malaysia.	95
4.6	Rumusan	96

**5 PERANAN PERGERAKAN ARTS AND CRAFTS DI BRITAIN DAN INSTITUSI DEUTSCHE WERKBUND DI JERMAN DALAM PEMBANGUNAN IDENTITI SENI BINA PADA AKHIR KURUN**

**KE**

**-19 DAN AWAL KURUN KE - 20**

5.0	Pendahuluan	97
-----	-------------	----

5.1	Kewujudan Pergerakan Arts and Crafts di Britain	99
5.1.1	Revolusi Terhadap Reka Bentuk Seni Bina	100
5.1.2	Revolusi Terhadap Reka Bentuk Produk Perindustrian	104
5.2	Ideologi Awal yang Membawa Kepada Kelahiran Pergerakan Arts and Crafts di Britain	106
5.3	Pembentukan Kumpulan Kerja ( <i>Guild</i> ) Sebagai Tunjang Kepada Perlaksanaan Aktiviti Dan Perkembangan Pergerakan Arts and Crafts.	109
5.4	Kaedah Penyebaran Idea Oleh Pemimpin Pergerakan Arts and Crafts.	114
5.4.1	Penyebaran Idea Melalui Bidang Penerbitan	115
5.4.2	Penyebaran Idea Melalui Aktiviti ' <i>Guild</i> '.	116
5.4.3	Penyebaran Idea Melalui Perubahan Kurikulum Pendidikan.	119
5.5	Penubuhan Institusi Deutsche Werkbund di Jerman	120
5.6	Proses Revolusi Terhadap Rekabentuk Oleh Institusi Deutsche Werkbund.	122
5.7	Ideologi Awal yang Membawa Kepada Kelahiran Institusi Deutsche Werkbund.	127
5.8	Kaedah Penyebaran Idea Oleh Institusi Deutsche Werkbund	129
5.8.1	Penggunaan Kaedah Penerbitan Sebagai Medium Penyebaran Idea Oleh Institusi Deutsche Werkbund.	131
5.8.2	Penggunaan Kaedah Pameran Sebagai Medium Penyebaran Idea Oleh Institusi Deutsche Werkbund.	132

5.8.3	Mesyuarat Tahunan Sebagai Medium Penyebaran Idea Oleh Institusi Deutsche Werkbund.	133
5.8.4	Penggunaan Agen Reformasi Sebagai Medium Penyebaran Idea Oleh Institusi Deutscher Werkbund.	134
5.8.5	Rombakan Kurikulum Pembelajaran Seni Sebagai Medium Penyebaran Idea Oleh Institusi Deutsche Werkbund.	135
5.9	Rumusan.	136
<b>6</b>	<b>PROSES PENYEBARAN IDEA MELALUI KAEDAH PENERBITAN KEPADA MASYARAKAT OLEH PERGERAKAN ARTS AND CRAFTS DAN INSTITUSI DEUTSCHE WERKBUND</b>	
6.0	Pendahuluan	138
6.1	Kaedah Penyebaran Idea kepada Masyarakat yang Dilaksanakan Oleh Pergerakan Arts and Crafts di Britain.	139
6.2	Kaedah Penerbitan Buku Sebagai Medium Penyebaran Idea Kepada Masyarakat Oleh Pergerakan Arts and Crafts.	140
6.3	Kaedah Penerbitan Jurnal Dan Majalah Sebagai Medium Penyebaran Idea Kepada Masyarakat Oleh Pergerakan Arts and Crafts.	147
6.4	Kemajuan Bidang Percetakan Sebagai Pemangkin Kepada Kepesatan Penyebaran Idea Melalui Penerbitan Oleh	150

	Pergerakan Arts and Crafts.	
6.5	Program Penyebaran Idea Kepada Masyarakat oleh Institusi Deutsche Werkbund.	152
6.6	Peranan Penerbitan Risalah Sebagai Medium Penyebaran Idea Oleh Institusi Deutsche Werkbund.	153
6.7	Peranan Penerbitan Buku Sebagai Medium Penyebaran Idea Oleh Institusi Deutsche Werkbund.	154
6.8	Peranan Penerbitan Jurnal, Buku Panduan Produk dan Surat Berita Sebagai Medium Penyebaran Idea Oleh Institusi Deutsche Werkbund.	159
6.9	Beberapa Persamaan Nilai yang Dilaksanakan Oleh Pergerakan Arts and Crafts Dan Institusi Deutsche Werkbund Dalam Aktiviti Penyebaran Idea Melalui Penerbitan.	162
6.9.1	Penglibatan Menyeluruh Para Tokoh Dan Penggerak Dalam Penghasilan Penerbitan.	163
6.9.2	Kewujudan Unsur-unsur Kemasyarakatan Dalam Penerbitan.	164
6.9.3	Wujudnya Penerbitan Khusus Terhadap Penulisan yang Dihasilkan.	165
6.10	Rumusan	167

## **7 PERMASALAHAN PENYEBARAN IDEA IDENTITI SENI BINA MELALUI KAEDAH PENERBITAN DI MALAYSIA MENJELANG ERA PASCA-MERDEKA**

7.0	Pendahuluan	169
7.1	Aspek yang Menjadi Landasan Terhadap Perdebatan	170

	Mengenai Permasalahan Penyebaran Idea Identiti Seni Bina di Malaysia Melalui Penerbitan .	
7.1.1	Medium Penerbitan yang Terlibat Dalam Kajian.	171
7.1.2	Kaedah Analisis Terhadap Medium Penerbitan yang Terlibat Dalam Kajian.	171
7.2	Kajian Terhadap Tahap Penglibatan Pelbagai Pihak Dalam Penerbitan Isu Seni Bina di Malaysia.	174
7.2.1	Kurangnya Penglibatan Pelbagai Pihak Dalam Penerbitan Buku Seni Bina di Malaysia.	175
7.2.2	Kurangnya Penglibatan Pelbagai Pihak Dalam Penerbitan Isu Seni Bina di Akhbar.	178
7.2.3	Kurangnya Penglibatan Pelbagai Pihak Dalam Penerbitan Isu Seni Bina Dalam Majalah Popular di Malaysia.	180
7.2.4	Kesan Daripada Kurangnya Penglibatan Pelbagai Pihak Dalam Penerbitan Isu Seni Bina di Malaysia.	184
7.3	Kajian Terhadap Tahap Perbincangan Aspek Kemasyarakatan di Dalam Penerbitan Isu Seni Bina di Malaysia .	189
7.3.1	Kurangnya Perbincangan Isu Seni Bina Dan Kemasyarakatan Dalam Penerbitan Buku Seni Bina di Malaysia .	190
7.3.2	Kurangnya Perbincangan Isu Seni Bina Dan Kemasyarakatan Dalam Penerbitan Isu Seni Bina	192



	di Majalah Seni Bina.	
7.3.3	Kurangnya Perbincangan Isu Seni Bina Dan Kemasyarakatan Dalam Akhbar di Malaysia	194
7.3.4	Kurangnya Perbincangan Isu Seni Bina Dan Kemasyarakatan di Dalam Majalah Dewan Budaya.	196
7.4.5	Kesan Daripada Kurangnya Perbincangan Isu Seni Bina Dan Kemasyarakatan Dalam Penerbitan Seni Bina di Malaysia.	197
7.4	Tiadanya Penerbitan Khusus Dalam Penyebaran Isu Identiti Seni Bina di Malaysia.	199
7.5	Rumusan.	200
<b>8</b>	<b>BEBERAPA CADANGAN TERHADAP PERLAKSANAAN AKTIVITI PENYEBARAN IDEA IDENTITI SENI BINA DI MALAYSIA PADA MASA AKAN DATANG</b>	
8.0	Pendahuluan	202
8.1	Perlunya Kerjasama Pelbagai Pihak Dalam Usaha Meningkatkan Penghasilan Penerbitan Seni Bina di Malaysia pada Masa Akan Datang.	203
8.1.1	Peranan Ahli Akademik Dan Profesional Seni Bina 204 Dalam Usaha Meningkatkan Penghasilan Penerbitan Seni Bina di Malaysia Pada Masa Akan Datang.	
8.1.2	Peranan Badan Profesional Seni Bina Dalam Usaha 206	

	Meningkatkan Penghasilan Penerbitan Seni Bina di Malaysia Pada Masa Akan Datang.	
8.1.3	Peranan Pusat Pengajian Tinggi Dalam Usaha 208 Meningkatkan Penghasilan Penerbitan Seni Bina Di Malaysia Pada Masa Akan Datang.	
8.1.4	Peranan Badan Bebas Mengenai Seni Bina Dalam 209 Usaha Meningkatkan Penghasilan Penerbitan Seni Bina di Malaysia Pada Masa Akan Datang.	
8.1.5	Peranan Pihak Kerajaan Dalam Usaha Meningkatkan 213 Penghasilan Penerbitan Seni Bina di Malaysia Pada Masa Akan Datang.	
8.1.6	Peranan Pihak Swasta Dan Badan Korporat Dalam 214 Usaha Meningkatkan Penghasilan Penerbitan Seni Bina Di Malaysia Pada Masa Akan Datang.	
8.2	Langkah Untuk Meningkatkan Perbincangan Mengenai Isu Seni Bina Dan Kemasyarakatan Dalam Penerbitan Seni Bina di Malaysia.	215
8.2.1	Peranan Ahli Akademik Dan Profesional Seni Bina 215 Dalam Meningkatkan Penghasilan Penerbitan Berkaitan Isu Seni Bina Dan Kemasyarakatan Di Malaysia.	

8.2.2	Peranan Individu Dari Luar Bidang Seni Bina Dalam Usaha Meningkatkan Penghasilan Penerbitan Berkaitan Isu Seni Bina Dan Kemasyarakatan di Malaysia.	217
8.2.3	Peranan Institusi Pengajian Tinggi Dalam Usaha Meningkatkan Penghasilan Penerbitan Berkaitan Isu Seni Bina Dan Kemasyarakatan di Malaysia.	217
8.2.4	Peranan Badan Profesional Seni Bina Dalam Usaha Meningkatkan Penghasilan Penerbitan Berkaitan Isu Seni Bina Dan Kemasyarakatan Di Malaysia.	218
8.2.5	Peranan Badan Bebas Atau Pusat Penyelidikan Seni Bina Dalam Usaha Meningkatkan Penghasilan Penerbitan Berkaitan Isu Seni Bina Dan Kemasyarakatan Di Malaysia.	219
8.2.6	Peranan Pihak Kerajaan Dalam Usaha Meningkatkan Penghasilan Penerbitan Berkaitan Isu Seni Bina Dan Kemasyarakatan Di Malaysia.	220
8.3	Perlunya Wujud Saluran Khas Dalam Penyebaran Idea Identiti Seni Bina Melalui Penerbitan di Malaysia.	221
8.3.1	Peranan Ahli Akademik Dan Profesional Seni Bina Dalam Usaha Mewujudkan Saluran Khas Terhadap Penyebaran Idea Identiti Seni Bina di Malaysia Pada Masa Akan Datang.	221
8.3.2	Peranan Individu Dari Luar Bidang Seni Bina Dalam Usaha Mewujudkan Saluran Khas Terhadap	222

	Penyebaran Idea Identiti Seni Bina Di Malaysia Pada Masa Akan Datang.	
8.3.3	Peranan Badan Profesional Seni Bina Dalam Usaha Mewujudkan Saluran Khas Terhadap Penyebaran Idea Identiti Seni Bina di Malaysia Pada Masa Akan Datang.	223
8.3.4	Peranan Badan Bebas Dan Pusat Kajian Seni Bina Dalam Usaha Mewujudkan Saluran Khas Terhadap Penyebaran Idea Identiti Seni Bina di Malaysia Pada Masa Akan Datang.	224
8.3.5	Peranan Badan Kerajaan Dalam Usaha Mewujudkan Saluran Khas Terhadap Penyebaran Idea Identiti Seni Bina di Malaysia Pada Masa Akan Datang.	225
8.3.6	Peranan Pihak Swasta Dan Badan Korporat Dalam Usaha Mewujudkan Saluran Khas Terhadap Penyebaran Idea Identiti Seni Bina di Malaysia Pada Masa Akan Datang.	226
8.4	Rumusan.	227
<b>9</b>	<b>KESIMPULAN</b>	
9.0	Pendahuluan	228
9.1	Cadangan Kajian Lanjutan	229
9.1.1	Cadangan Kajian Mengenai Tahap Pemahaman Masyarakat Awam Terhadap Identiti Seni Bina	230

Di Malaysia.	
9.1.2 Cadangan Kajian Mengenai Usaha Penyebaran Idea Identiti Seni Bina Nasional Oleh Para Pelopor Gagasan Tersebut Pada Era 70-an Dan 80-an.	231
9.1.3 Cadangan Kajian Terhadap Persepsi Ahli Akademik Dan Profesional Seni Bina Mengenai Kepentingan Penglibatan Masyarakat Dalam Usaha Pembangunan Identiti Seni Bina Di Malaysia.	231
9.2 Rumusan	232
<b>SENARAI RUJUKAN UTAMA</b>	<b>I</b>
<b>SENARAI RUJUKAN UMUM</b>	<b>XV</b>
<b>DAFTAR BACAAN</b>	<b>XLVI</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	
Lampiran A : Antara Hasil Penerbitan Oleh Tokoh Dan Ahli Pergerakan Arts and Crafts	LII
Lampiran B: Senarai Penerbitan Buku Seni Bina di Malaysia (1957 – 2004).	LIII
Lampiran C : Pembabitan Tokoh, Ahli Profesional Dan Akademik Seni Bina Malaysia Dalam Penerbitan Isu Seni Bina	LIV

di Akhbar (1963 – 2004).

Lampiran D : Senarai Penerbitan Isu Seni Bina Malaysia LVI

di Dalam Majalah Dewan Budaya

(1979 – 2003) Mengikut Kategori.

Lampiran E : Senarai Penerbitan Isu Seni Bina Malaysia LVIII

di Dalam Akhbar (1963 – 2005) Mengikut

Kategori

## SENARAI GAMBARAJAH

NO GAMBARAJAH	TAJUK	MUKASURAT
3.0	Rumah Kington Loo merupakan antara reka bentuk seni bina moden terawal di Malaysia menjelang era pasca-merdeka.	40
3.1	Masjid Negara, antara seni bina terawal yang mengetengahkan ciri-ciri identiti seni bina nasional di Malaysia.	42
3.2	Reka bentuk podium Ibu Pejabat BBMB (Sekarang ini diambil alih oleh Bank Muamalat) di Kuala Lumpur yang mengetengahkan ciri-ciri rekabentuk revivalisme seni bina Melayu.	51
3.3	Walaupun telah lebih empat dekad merdeka, rekabentuk skim perumahan awam di negara ini masih lagi di takuk lama tanpa sebarang usaha untuk menjadikannya semakin baik serta mengambil kira unsur kemanusiaan dalam reka bentuknya.	53
3.4	Kawasan jalan yang sunyi dan luas di kawasan perumahan Seksyen 11 Petaling Jaya ini merupakan tempat yang sering berlaku kejadian jenayah seperti ragut dan ugut.	58
3.5	Tipologi rumah pangsa yang diambil daripada reka bentuk bangunan pejabat bukan sahaja mendatangkan suasana yang tidak selesa kepada penghuninya tetapi juga mengancam aspek keselamatan terhadap kanak-kanak.	59

- 3.6 Ketiadaan kawasan permainan yang khusus untuk kanak-kanak ataupun perletakan taman permainan yang terlalu jauh daripada blok kediaman mengakibatkan kanak-kanak menjadikan koridor sebagai kawasan permainan mereka. 60
- 3.7 Tiadanya ciri-ciri keselamatan di perkarangan sekolah telah mengundang bahaya murid-murid termasuk risiko dilanggar oleh kenderaan yang melalui kawasan tersebut. 62
- 3.8 Suasana di dalam rumah pangsa Sri Selangor, Jalan San Peng, Kuala Lumpur yang hanya mempunyai satu bilik. Gambar di sebelah kanan pula menunjukkan suasana luaran rumah pangsa satu bilik di Razak Mansion, Salak Selatan. 64
- 3.9 Reka bentuk kebanyakan Masjid di Malaysia pada hari ini yang mengambil contoh tipologi masjid dari Timur Tengah dan Turki. 68
- 3.10 Rekabentuk pusat membeli belah Sunway Pyramid dianggap menghina sebuah agama yang dianggap suci oleh pengikutnya suatu ketika dahulu. 69
- 3.11 Reka bentuk kebanyakan menara pejabat di Malaysia yang berdindingkan kaca tanpa sebarang penghadang sinaran matahari. 72
- 3.12 Budaya hidup seharian masyarakat menjadi teras kepada identiti seni bina tradisional Melayu pada masa dahulu. 75
- 3.13 Penubuhan pusat komuniti di Batu 11, Cheras telah mendatangkan banyak manfaat kepada segenap lapisan masyarakat di sekitarnya. 79
- 5.0 'The Red House' yang direkabentuk oleh Philip Web pada tahun 1859 dianggap sebagai hasil seni bina moden pertama di dunia. 100



- 5.1 Rumah penginapan paderi St. Saviour's yang direka bentuk oleh William Butterfield di Coalpit Heath, Avon pada tahun 1844 - 45. 102
- 5.2 Reka bentuk kediaman oleh Norman Shaw pada tahun 1868. Kelihatan corong asap dibesarkan dan menjadi elemen dominan pada bangunan tersebut. 103
- 5.3 *Trellis wallpaper* ( 1862) dan '*Sussex*' chair ( 1865), merupakan antara rekabentuk produk yang dihasilkan oleh Firma Morris & Co. 104
- 5.4 Pending dan pengacip oleh Alexander Fisher yang menggabungkan unsur Timur dan Barat di dalam reka bentuknya. 105
- 5.5 'Medieval Court' di Great Exhibition pada tahun 1851. Pameran tersebut mendapat kritikan keras daripada Pugin kerana memaparkan produk reka bentuk yang bersifat peniruan semula dari zaman sebelumnya. 108
- 5.6 Botol menyimpan wain yang mempunyai pemegang dan penutup perak, direkabentuk oleh C.R. Ashbee pada tahun 1904 merupakan antara produk yang dihasilkan oleh *Guild of Handicraft*. 113
- 5.7 Ruang pameran *Century Guild* dalam Liverpool Exhibition yang diadakan pada tahun 1886. 118
- 5.8 Penglibatan ahli-ahli dari Institusi Deutsche Werkbund dalam rekabentuk produk perindustrian juga melibatkan penghasilan produk dari industri berat seperti lokomotif . 124
- 5.9 Reka bentuk Kilang AEG Turbine di Berlin pada 1909 oleh Peter Behren merupakan antara pengiktirafan terbesar pihak industri terhadap kemampuan pereka bentuk 125

yang bernaung di bawah payung Institusi Deutsche Werkbund..

- |      |  |     |
|------|--|-----|
| 5.10 | Reka bentuk rumah teres oleh J.J.P.Oud di<br>Weissenhofsiedlung, Stuttgart, 1927.  | 126 |
| 5.12 | Tiga orang pengasas utama Institusi Deutcher Werkbund.<br>Dari Kiri : Hermann Muthesius (1861-1927), Friederich<br>Naumann (1860-1919), Henry van de Velde (1863 – 1957) | 128 |
| 6.0  | Reka bentuk kulit hadapan jurnal <i>The Hobby Horse</i> pada<br>tahun 1886.  | 148 |
| 6.1  | Reka bentuk muka pertama buku <i>The Nature Of Gothic</i><br>oleh John Ruskin yang dicetak oleh Kelmscott Press pada<br>tahun 1892.                                      | 151 |

## SENARAI CARTA

NO CARTA	TAJUK	MUKASURAT
1.0	Struktur Tesis	19
5.0	Kaedah Penyebaran Idea Oleh Pergerakan Arts and Crafts	114
5.1	Kaedah Penyebaran Idea yang dilaksanakan Oleh Institusi Deutsche Werkbund.	130
6.0	Kaedah Penyebaran Idea Melalui Penerbitan Oleh Pergerakan Arts and Crafts	140
6.1	Kaedah Penyebaran Idea Melalui Penerbitan Oleh Institusi Deutsche Werkbund.	152
6.2	Tiga Persamaan Nilai Dalam Penyebaran Idea Melalui Penerbitan Oleh Pergerakan Arts and Crafts Dan Institusi Deutsche Werkbund.	162
7.0	Pecahan Peratusan Penerbitan Buku Seni Bina (1957-2004) di Malaysia Mengikut Kategori.	191
7.1	Pecahan Peratusan Penerbitan Isu Seni Bina di Dalam Majalah Seni Bina (1957 -2004) di Malaysia Mengikut Kategori.	193
7.2	Pecahan Peratusan Penerbitan Isu Seni Bina di Dalam Akhbar (1963-2005) di Malaysia Mengikut Kategori.	195

7.3	Pecahan Peratusan Penerbitan Isu Seni Bina di Dalam Majalah Dewan Budaya (1979 -2003) Mengikut Kategori.	196
-----	--	-----

# BAB SATU

## PENGENALAN

### 1.0 Pendahuluan

Usaha ke arah merealisasikan kelahiran identiti seni bina nasional di Malaysia telah bermula sejak negara ini baru mencapai kemerdekaan lagi. Di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj,<sup>1</sup> ianya telah mula diperkatakan secara sepintas lalu di dalam “kongres kebudayaan kebangsaan” yang dianjurkan pada penghujung 1957. Pada tahun 1971 pula, di bawah kelolaan Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan, sebuah kongres yang hampir serupa telah diadakan sebagai kesinambungan terhadap usaha

---

<sup>1</sup> Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj merupakan Perdana Menteri Malaysia yang pertama apabila mula mencapai kemerdekaan daripada penjajahan British pada 31 Ogos 1957. Sebagai penghormatan terhadap usaha yang telah dilaksanakan oleh beliau bagi mendapatkan kemerdekaan secara aman daripada British, maka Tunku Abdul Rahman telah digelar sebagai ‘Bapa Kemerdekaan Malaysia’.

mengembangkan wacana identiti seni bina nasional yang telah dicanangkan sebelum itu.<sup>2</sup> Walaupun tampuk pemerintahan negara telah bertukar ganti, namun agenda ke arah merealisasikan identiti seni bina nasional tetap diteruskan. Pada tanggal 20 hingga 21 Januari 1981, bertempat di Kuala Lumpur, sebuah seminar yang bertajuk ‘Ke arah Identiti Kebangsaan Dalam Seni Bina’ telah dilangsungkan. Seminar yang melibatkan penyertaan 125 orang peserta dari perbagai profesyen yang mempunyai pertalian dengan bidang seni bina seperti akitek, jurutera, juru ukur bahan, artis, ahli akedemik, aktivis sosial dan sebagainya, sekali lagi telah memperlihatkan komitmen kerajaan di dalam menjayakan matlamat mewujudkan identiti seni bina tersebut.<sup>3</sup> Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu, Datuk Seri Dr. Mahathir Muhammad dalam ucapan perasmiannya sekali lagi menegaskan kepentingan identiti seni bina nasional kepada negara :

“ Biasanya bagi sesebuah negara, identitinya boleh dikenal apabila kita melihat bandar dan kampung di negara itu buat kali pertamanya. Ada sahaja bentuk istimewa yang boleh dikenalkan sebagai kebudayaan bangsa dan negara itu. Seni bina bukan sahaja memberi bentuk yang mudah dikenal tetapi menunjuk juga nilai dan pencapaian negara itu dalam tamadunya”.<sup>4</sup>

Seiring dengan saranan pucuk pimpinan negara ke arah merealisasikan kelahiran identiti seni bina nasional, wacana seni bina negara turut berkembang dengan kehadiran semakin ramai pemikir, akitek dan karyawan yang bertindak sebagai penyumbang utama idea-idea baru seni bina serta komen agar wacana tersebut menjadi semakin sempurna

---

<sup>2</sup> Noor Azam Shairi (17 Julai 2000). *Sambutan 80 tahun Persatuan Akitek Malaysia (PAM) : Identiti Seni Bina Negara*. Utusan Malaysia. ( koleksi keratan akhbar di Pusat Sumber NSTP dan tidak dinyatakan dari halaman mana ianya diperolehi).

<sup>3</sup> Laporan Seminar (20 – 23 Januari 1981). *Seminar Ke Arah Identiti Kebangsaan Dalam Seni Bina*, Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan, Malaysia, Kuala Lumpur . Jilid I.

<sup>4</sup> Ucapan Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir semasa merasmikan seminar “Ke arah Mewujudkan Identiti Seni Bina Nasional” Di Hotel Merlin, Kuala Lumpur pada 20 Januari 1981, jam 9.30 pagi. Dalam: Laporan Seminar (20 – 23 Januari 1981). *Seminar Ke Arah Identiti Kebangsaan Dalam Seni Bina*, Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan, Malaysia, Kuala Lumpur . Jilid I. Lampiran C. Hlmn 1.

dan matang. Idea-idea seni bina yang telah dibangunkan tersebut kemudiannya telah disebarkan ke peringkat akar umbi dan masyarakat umum melalui media cetak seperti majalah PETA, Majallah Akitek (kemudiannya dikenali sebagai Majalah Akitek), kertas kerja seminar, surat khabar dan sebagainya. Persatuan Akitek Malaysia (PAM) juga memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam mengembangkan lagi wacana identiti seni bina nasional dengan menganjurkan seminar, dialog, pertandingan dan penyelidikan seni bina dari masa ke semasa. Pada tahun 1983 misalnya, telah berlangsung majlis wacana seni bina oleh PAM, khusus dalam mencari jawapan terhadap persoalan identiti seni bina Malaysia dan ianya diikuti dengan eksperimen reka bentuk yang berani melibatkan penyertaan beberapa buah pusat pengajian tinggi tempatan seperti ITM, UTM dan MIT dari Boston dalam mengkaji kawasan segi tiga emas di Kuala Lumpur.<sup>5</sup>

Di pihak akitek, saranan daripada pucuk pimpinan negara dan pemikir seni bina ke arah mewujudkan identiti seni bina nasional telah disambut dengan hati yang terbuka. Pelbagai eksperimentasi telah dibuat, daripada rumah persendirian hinggalah kepada bangunan pencakar langit. Begitu juga dengan pendekatan reka bentuk, pelbagai pendekatan reka bentuk telah diketengahkan sama ada dari sudut perancangan ruang, penggunaan gaya rupa atau butiran seni bina telah dilaksanakan dengan harapan ianya akan dapat menjawab persoalan identiti seni bina yang dicita-citakan. Usaha tersebut diperakui oleh salah seorang tokoh seni bina iaitu Datuk Ikmal Hisham Albakri<sup>6</sup> di dalam temuramah oleh Majalah Akitek pada 1993 yang berbunyi :

*“Our approach to the design Masjid Negara was definitely a departure from the normally acceptance perspective of adeptly the traditional Islamic architecture*

---

<sup>5</sup> Yeang, Ken ( December 1987). *The Third Decade After Independence 1978 – 1987: Accelerated growth and the slowing down* . In : Chan Chee Yong. ed. *Post-Merdeka Architecture : Malaysia 1957-1987*, Pertubuhan Akitek Malaysia. Hlmn 27.

<sup>6</sup> Datuk Ikmal Hisham Albakri merupakan antara arkitek Melayu terawal di Malaysia dan telah memberikan sumbangan yang sangat besar terhadap bidang praktis seni bina khususnya dalam pembangunan teknologi pembinaan bangunan di negara ini. Beliau juga merupakan presiden pertama Persatuan Arkitek Malaysia (PAM) pada tahun 1967 dan melalui firmanya iaitu Kumpulan Arkitek yang ditubuhkan pada tahun 1964, beliau telah memberikan sumbangan besar ke arah merealisasikan identiti seni bina kebangsaan melalui reka bentuk seni bina seperti bangunan Perpustakaan Negara, Ibu Pejabat Bank Bumiputra dan Hotel Hyatt di Kuantan. Penulisan selepas ini tidak akan memasukkan gelaran Datuk seperti yang tertera di hadapan nama beliau sebelum ini.

*style of Middle East. We set with a conceptual approach based on three main objectives :*

- a) It must reflect its function as an Islamic religious building prayer*
- b) There must also a need for building to have a NATIONAL ( Malayan) character or IDENTITY.*
- c) At the same time , it must be contemporary in appearance”.*<sup>7</sup>

Walau bagaimanapun, selepas empat dekad usaha mewujudkan identiti seni bina Malaysia dilaksanakan, ianya dikatakan masih belum mencapai matlamatnya. Pelbagai komen dan kritikan daripada beberapa orang pemikir serta tokoh seni bina di negara ini telah diketengahkan berhubung dengan beberapa permasalahan dalam perlaksanaannya. Antara kritikan yang diketengahkan ialah tentang hasil eksperimentasi reka bentuk yang tidak berkembang dan tidak mencerminkan pemahaman yang mendalam oleh kebanyakan pereka bentuk atau akitek akan maksud sebenar identiti seni bina tersebut. Berikut merupakan antara kritikan yang diketengahkan oleh beberapa orang pemikir dan tokoh seni bina tentang permasalahan dalam mewujudkan identiti seni bina di Malaysia :

“ Kebanyakan bangunan penting menggunakan rumah tradisi Melayu sebagai contoh. Elemen seperti bumbung, alang dan tiang serta dinding dibesarkan secara terjemahan langsung tetapi menggunakan bahan moden. Dari segi intelektual ianya memberikan gambaran ketamadunan Melayu seakan-akan ketandusan idea dan juga bersifat regresif”.<sup>8</sup>

“ Masjid-masjid kita sekarang seperti yang ada di Asia Tengah dan negara Arab. Kenapa kita mesti melihat contoh di negara orang sedangkan kita pernah

---

<sup>7</sup> Ikmal Hisham Albakri (Mar/Apr 1993). *PAM Gold Medal Address (Part I)* . Majallah Akitek. Vol 5. No 2. Hlmn 53.

<sup>8</sup> Mohd Tajuddin Rasdi (2001). *Kepincangan Pendekatan Revivalisme*. Majalah Akitek. Vol 13, No2.



membina sebuah masjid kontemporari yang boleh dibanggakan iaitu Masjid Negara".<sup>9</sup>

Penggunaan gaya rupa berunsur revivalisme dan tidak mempunyai kaitan dengan dengan warisan seni bina di negara ini merupakan antara sebahagian daripada permasalahan identiti yang telah dibangkitkan oleh tokoh-tokoh seni bina di negara ini. Peniruan secara langsung ciri-ciri seni bina tradisional Melayu ke dalam reka bentuk seni bina moden yang sama sekali berbeza dari sudut fungsi, saiz, penggunaan bahan dan tahap teknologi semasa misalnya, telah menimbulkan pelbagai persoalan khususnya berkaitan dengan peranan seni bina sebagai medium yang memaparkan semangat sezaman. Walaupun penggunaan elemen tradisi sedemikian bukanlah menjadi satu kesalahan dari segi pandangan masyarakat umum, namun ciri sesebuah seni bina yang sentiasa progresif seiring keperluan semasa masyarakat dan persekitaran seharusnya diperhalusi oleh penggiat seni bina di negara ini dalam usaha mengetengahkan identiti nasional melaluinya.

### 1.1 Kenyataan Masalah

Pengaruh yang besar daripada masyarakat sebagai golongan pengguna atau penaung terhadap sesuatu hasil seni bina, mampu memberi kesan positif terhadap kewujudan identiti seni bina di sesuatu negara. Suasana sedemikian dapat diwujudkan seandainya mereka dididik dengan baik mengenai isu tersebut. Walau bagaimanapun, dalam memperkatakan mengenai penglibatan masyarakat dalam pembangunan identiti seni bina di Malaysia, ada pendapat yang menyatakan terdapat kesukaran di pihak masyarakat untuk melaksanakannya disebabkan kurangnya pemahaman mereka mengenai bidang seni bina. Permasalahan tersebut telah diutarakan oleh W.Y. Chin<sup>10</sup> yang mana menurut beliau, kurangnya pemahaman di pihak masyarakat mengenai asas seni bina telah

---

<sup>9</sup> Hijjas Kasturi (Ahad 27 Julai 2003). *Rencana : Penghinaan Membakar Semangat*. Mingguan Malaysia. Hlmn 36.

<sup>10</sup> W.Y Chin merupakan seorang arkitek dan perancang bandar berdaftar. Sewaktu kenyataan tersebut dikeluarkan (1981), W.Y Chin merupakan Presiden Persatuan Arkitek Malaysia (PAM).

menyukarkan mereka untuk memahami aspek yang lebih kompleks mengenai identiti seni bina nasional:

*“ Whilst appreciating all the sentiments expressed in support for the above identity issue, it is equally true that there exist presently in the minds of the public, a lack of the general knowledge and understanding on the basic subject matter of architecture itself, least to mention the more sophisticated aspect concerning the national identity sectors”.*<sup>11</sup>

Permasalahan dalam penyebaran idea seni bina kepada masyarakat dikatakan antara faktor yang menyumbang kepada kurangnya pemahaman masyarakat mengenai bidang seni bina khususnya berkaitan dengan isu pembangunan identiti seni bina tersebut. Penulisan oleh Ahmad Nizam Radzi<sup>12</sup> misalnya, telah mendedahkan permasalahan penyebaran idea melalui penerbitan sebagai salah satu punca penyalah tafsiran atau kurangnya pemahaman masyarakat mengenai bidang seni bina di negara ini. Di dalam penulisan tersebut, beliau dengan tegas menyatakan bahawa penyalah-gunaan perkataan seni bina di dalam media massa telah menyebabkan pemahaman masyarakat mengenai maksud seni bina hanya terhad kepada gaya rupa bangunan sahaja:

*“ The words ‘architecture’ had been abused and misused by the mass media and the public so much so that, to the most of them ‘architecture’ has been reduced to nothing more than ‘building style’”.*<sup>13</sup>

---

<sup>11</sup> W.Y. Chin (1981). *Towards A National Identity In Architecture*. Majallah Akitek. Pertubuhan Akitek Malaysia. Hlmn 19.

<sup>12</sup> Ahmad Nizam Radzi merupakan akitek yang banyak memberikan pandangan yang bernas mengenai dunia seni bina di negara ini melalui beberapa penulisan artikel di dalam Majalah Akitek sekitar era 80-an.

<sup>13</sup> Ahmad Nizam Radzi (1987). *Strong Stuff, Weak Presentation : A Personal view of the Post-Merdeka Architecture Exhibition*. Majallah Akitek. Pertubuhan Akitek Malaysia. Vol 2&3. Hlmn 31.

Kewujudan permasalahan dalam penyebaran idea identiti seni bina kepada masyarakat secara tidak langsung mampu menjadi penghalang kepada wujudnya kesinambungan di antara peringkat pembangunan idea, proses eksperimentasi dan juga respon dari pihak ketiga iaitu masyarakat umum dalam proses pembangunan identiti seni bina di Malaysia. Keberkesanan proses penyebaran idea ke peringkat akar umbi sebagai salah satu faktor yang memainkan peranan yang penting terhadap kejayaan atau kegagalan dalam perjuangan sesuatu agenda juga dikatakan bersifat universal kerana ianya bukan hanya melibatkan bidang seni bina sahaja tetapi juga melibatkan bidang-bidang yang lain seperti politik, ekonomi, kebudayaan dan sebagainya. Dalam bidang ekonomi misalnya, pandangan daripada beberapa ketua pegawai eksekutif syarikat dari seluruh dunia telah menunjukkan bahawa betapa pentingnya proses penyebaran idea ke peringkat akar umbi terhadap kemajuan syarikat yang mereka terajui :

*The model for Luksic business success is one of NETWORK and INFORMATION FLOW, at many different levels: “ We’ve built a powerful NETWORK of PEOPLE and companies uncovering new business opportunities and constantly learning about markets. The VALUE of our NETWORK depends on how EASILY information flow”.*<sup>14</sup>

*“Knowledge transfers” can’t be just at the top of the organization: “Personal assistants used to be gatekeepers. They’d put you in your office and decide who was worthy to come see you. But a personal assistant in our new organization is a KNOWLEDGE TRANSFERS. It’s their job to make sure EVERYONE who’s associated with particular issue HAS the KNOWLEDGE they need to do their job”.*<sup>15</sup>

---

<sup>14</sup> Guilarmo Luksic and Luksic Group: Chile (2000). *Build Socially Literate Relationship*. In: Rosen, Robert., Digh, Patricia., Singer, Marshall. and Philips, Carl. ed. *Global Literacies : The Twenty – First Centuries Leadership Competency*, Simon & Shuster. Hlmn 132.

<sup>15</sup> E.T. ‘Ted’ Kunkel and Foster’s Brewing Group: Australia (2000). *Leverage Knowledge For Competitive Advantage* In: Rosen, Robert., Digh, Patricia., Singer, Marshall. and Philips, Carl. ed. *Global Literacies : The Twenty – First Centuries Leadership Competency*, Simon & Shuster. Hlmn 150.

Kajian terhadap permasalahan penyebaran idea identiti seni bina kepada masyarakat di Malaysia difokuskan hanya kepada bidang penerbitan yang terdiri daripada buku, majalah dan akhbar di mana ianya berperanan sebagai salah satu medium penyebaran idea tersebut. Oleh kerana peranan yang dimainkan oleh bidang penerbitan sebagai medium penyebaran idea kepada masyarakat begitu meluas meliputi masyarakat dalam bidang seni bina serta awam, kajian terhadapnya dibahagikan kepada dua kategori iaitu penerbitan isu-isu identiti seni bina Malaysia di dalam penerbitan khas seni bina yang terdiri daripada buku serta majalah seni bina dan penerbitan isu-isu identiti seni bina di dalam penerbitan popular seperti surat khabar dan majalah umum. Dalam membina asas kritikan serta cadangan mengenai penyebaran idea identiti seni bina melalui penerbitan di Malaysia, pendekatan yang akan digunakan ialah dengan mengambil pengajaran daripada pencapaian tokoh atau organisasi seni bina lampau yang memperjuangkan isu tersebut. Di Eropah misalnya, usaha memartabatkan identiti seni bina nasional di negara-negara seperti Britain dan Jerman telahpun wujud pada akhir kurun ke-19 dan awal kurun ke-20. Terdapat dua pergerakan seni bina yang memainkan peranan penting bagi menjayakan agenda tersebut iaitu Pergerakan *Arts and Crafts*<sup>16</sup> di Britain dan Institusi *Deutsche Werkbund*<sup>17</sup> di Jerman. Pelaksanaan rangka kerja yang tersusun oleh kedua-dua pergerakan tersebut dalam usaha merealisasikan kelahiran identiti nasional dalam seni dan seni bina di negara-masing masing, telah menyaksikan kejayaan yang besar diraih mereka bukan sahaja di peringkat nasional tetapi juga menjangkau kedua-dua belah Lautan Atlantik.

---

<sup>16</sup> Pergerakan Arts and Crafts diasaskan oleh pakar teori, arkitek dan pereka bentuk di Victoria, Britain pada pertengahan kurun ke-19. Tujuan penubuhannya ialah untuk menyediakan suatu kod alternatif bagi menangani kerakusan sektor industri di negara tersebut dan membentuk suasana harmoni dalam penghasilan produk. Selain daripada itu, pemimpin pergerakan tersebut juga menekankan unsur-unsur individualisme dalam penghasilan produk, penghasilan produk dengan menggunakan tangan berbanding dengan penggunaan mesin seperti sebelumnya dan menilai semula penggunaan bahan dalam reka bentuk yang dihasilkan. Penulisan selepas ini tidak akan menggunakan huruf italic pada perkataan “Arts and Crafts”.

<sup>17</sup> Institusi Deutsche Werkbund ditubuhkan di Munich, Jerman dalam suatu mesyuarat yang diadakan pada 5 dan 6 Oktober 1907 oleh lebih 100 orang artis, usahawan dan pencinta seni. Penubuhannya merupakan suatu respon tegas terhadap kepesatan sektor industri dan permodenan Jerman yang dianggap sebagai mengancam budaya nasional negara tersebut. Matlamat utama penubuhan institusi tersebut ialah untuk membina semula keruntuhan moral dan estetika dalam budaya hidup masyarakat Jerman pada masa itu berdasarkan pendekatan seni dan kraf. Penulisan selepas ini tidak akan menggunakan huruf italic pada perkataan “Deutsche Werkbund”.

Dalam memperkatakan mengenai Pergerakan Arts and Crafts dan Institusi Deutsche Werkbund, satu perkara yang menarik mengenai kedua-dua pergerakan tersebut ialah wujudnya kesinambungan dalam perjuangan dan kaedah pelaksanaan aktiviti mereka. Penubuhan Pergerakan Arts and Crafts di Britain telah bermula lima puluh tahun lebih awal daripada Institusi Deutsche Werkbund di Jerman dan telah mengasaskan beberapa falsafah dan kaedah pelaksanaan dalam usaha mencapai matlamat perjuangannya. Pada penghujung kurun ke-19, kerajaan Jerman telah menghantar Hermann Muthesius<sup>18</sup> untuk mengkaji pelaksanaan aktiviti dan falsafah Pergerakan Arts and Crafts di Britain dengan harapan beberapa pendekatan oleh pergerakan tersebut dapat diaplikasikan dalam konteks pembangunan negara Jerman. Pada 1907, Institusi Deutsche Werkbund telah ditubuhkan di Berlin dan Hermann Muthesius merupakan antara pengasas utamanya. Kajian terhadap Pergerakan Arts and Crafts selama 6 tahun ternyata memberi pengaruh yang cukup besar terhadap Muthesius dalam merangka kurikulum dan pelaksanaan aktiviti Institusi Deutsche Werkbund. Perkara tersebut telah dibangkitkan oleh Julius Posener di dalam penulisannya yang mana menurut beliau beberapa falsafah utama Pergerakan Arts and Crafts seperti menentang penghasilan produk yang tidak berkualiti untuk kegunaan masyarakat menjadi pegangan utama oleh Werkbund :

*“ When it was founded in 1907, the Werkbund Still retained much of the spirit of the English Art and Craft Movement : the protest against commercialism expressed by Morris and his followers such as Robert Ashbee or, as Morris stated in unmistakably clear term, against capitalism which forces people to use object of inferior quality and even worse, to produce thing that are shoddy and often useless ”.*<sup>19</sup>

---

<sup>18</sup> Hermann Muthesius merupakan pencetus utama idea penubuhan Institusi Deutsche Werkbund. Bertugas sebagai kakitangan kerajaan di Kementerian Perdagangan Prussia, beliau pernah dihantar ke England selama enam tahun (1896-1903) bagi melakukan kajian terhadap aktiviti Pergerakan Arts and Crafts serta potensinya untuk diaplikasikan dalam konteks negara Jerman. Pada peringkat awal penubuhan Werkbund, beliau merupakan individu yang bertanggungjawab merangka kurikulum asas institusi tersebut berlandaskan pengajaran yang diperolehi dari Pergerakan Arts and Crafts.

<sup>19</sup> Posener, Julius ( 1979). *Between Art and Industry The Deutscher Werkbund* . In: Burchardt, Lucius, translated by Sanders, Pearl.. ed. *The Werkbund : Studies In The History And Ideology Of The Deutscher Werkbund 1907 – 1933*, The Design Council . Hlmn 7.

Kesinambungan yang ditunjukkan oleh Pergerakan Arts and Crafts dan Institusi Deutsche Werkbund dalam pembangunan identiti nasional dalam seni dan seni bina pada masa dan tempat yang berbeza memberikan satu mesej yang menarik bahawa sesetengah elemen yang menjadi tunjang kepada kejayaan pelaksanaan sesuatu agenda, sesuai dilaksanakan pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Selain mempunyai kesinambungan dari sudut falsafah perjuangan, beberapa strategi dalam pelaksanaan aktiviti oleh kedua-dua pergerakan tersebut juga mempunyai persamaan di antara satu sama lain. Salah satu daripada strategi tersebut ialah kaedah penyebaran idea kepada masyarakat yang mana bidang penerbitan telah memainkan peranan penting dalam usaha penyebaran idea kedua-dua pergerakan tersebut kepada masyarakatnya. Jika Pergerakan Arts and Crafts menggunakan penerbitan buku dan jurnal sebagai medium penyebaran idea kepada masyarakatnya, Institusi Deutsche Werkbund pula telah menggunakan risalah dalam penyebaran propagandanya dan apabila institusi tersebut telah berkembang dan mempunyai ramai ahli, kaedah penyebaran ideanya dilakukan dengan cara yang berbeza iaitu melalui penjualan buku tahunan serta media massa.<sup>20</sup> Justeru, di dalam kajian ini, beberapa strategi penyebaran idea melalui penerbitan oleh kedua-dua pergerakan tersebut akan dijadikan asas kritikan dan pengajaran terhadap proses penyebaran idea identiti seni bina melalui penerbitan di Malaysia.

## 1.2 Matlamat Kajian

Matlamat utama kajian ini ialah untuk mengupas permasalahan dalam penyebaran idea identiti seni bina melalui penerbitan di Malaysia yang dikatakan sebagai salah satu faktor penyumbang kepada wujudnya krisis identiti seni bina di negara ini sejak empat dekad yang lalu. Kaedah yang digunakan dalam mengupas permasalahan penerbitan serta cadangan perlaksanaannya di masa hadapan adalah berdasarkan nilai penyebaran

---

<sup>20</sup> Davey, Peter ( 1980). *Art And Craft Architecture : The Search for Earthly Paradise*. Architectural Press : London; Cumming, Elizebeth. Kaplan, Wendy ( 1995). *The Art And Craft* , Thames and Hudson ; Burchardt, Lucius, translated by Sanders, Pearl( 1979). *The Werkbund : Studies In The History And Ideology Of The Deutcher Werkbund 1907 – 1933*. The Design Council ; Cambell, Joan ( 1976). *The German Werkbund : The Politics of Reform in the Applied Arts*. Princeton University Press.

idea yang dilaksanakan oleh Pergerakan Arts and Crafts dan Institusi Deutsche Werkbund kepada masyarakatnya.

Kajian ini juga diharapkan dapat membuka salah satu jalan ke arah penyelidikan yang lebih mendalam mengenai punca dan kaedah penyelesaian terhadap permasalahan penyebaran idea identiti seni bina di Malaysia sejak empat dekad yang lalu. Jika selama ini kebanyakan kajian atau penulisan daripada ahli akademik dan profesional seni bina di Malaysia hanya tertumpu kepada permasalahan dalam pendekatan reka bentuk, dengan adanya kajian ini diharapkan ahli akademik dan profesional seni bina akan mengalih perhatian mereka terhadap permasalahan pokok mengenai kaedah pelaksanaan aktiviti ke arah mewujudkan identiti seni bina tersebut.

Dalam perbincangan mengenai identiti seni bina nasional, antara perkara yang sering dibangkitkan oleh penggiat seni bina di negara ini ialah penolakan gaya rupa atau pengaruh asing khususnya gaya rupa seni bina moden daripada agenda pembangunan identiti seni bina tersebut. Permasalahan ketiadaan identiti oleh gaya rupa seni bina moden telah mewujudkan persepsi negatif dikalangan penggerak identiti seni bina Malaysia bahawa ianya merupakan antara punca krisis identiti di negara ini. Pengajaran yang diambil dari Pergerakan Arts and Crafts dan Institusi Deutsche Werkbund telah menunjukkan keadaan sebaliknya yang mana seni bina moden tidak harus dilihat dari sudut penghasilan gaya rupa sahaja tetapi apa yang lebih penting ialah mempelajari kaedah pelaksanaan ke arah penghasilan gaya rupa tersebut. Justeru, satu lagi matlamat kajian ini ialah untuk membentuk satu persepsi positif di kalangan masyarakat seni bina di negara ini bahawa pengajaran daripada seni bina moden bukan hanya terdiri daripada reka bentuk sahaja tetapi apa yang lebih penting ialah kaedah pelaksanaan oleh penggeraknya.

### **1.3 Metodologi dan Skop Penyelidikan**

Methodologi kajian ini berupa sebuah analisa kandungan atau '*Content Analysis*' terhadap sumber penulisan berhubungan dengan isu-isu dan idea-idea yang menjadi batasan daripada pembahasan kajian ini.

Sumber-sumber penulisan yang menjadi rujukan dalam kajian ini terdiri daripada :

1. Buku, majalah dan keratan akhbar yang membahaskan tentang isu identiti seni bina Malaysia sejak 1957 hingga awal era 2000.
2. Buku, artikel, jurnal, manuskrip dan majalah yang membahaskan tentang gerakan seni bina Moden, Pergerakan Arts and Crafts dan Institusi Deutsche Werkbund.
3. Rakaman dan nota-nota persembahan, seminar, perbincangan dan syarahan umum tentang Identiti Seni Bina Malaysia dan Moden.

Skop penyelidikan ini hanya akan memfokus kepada permasalahan dalam penyebaran idea identiti seni bina melalui penerbitan di Malaysia. Bahan penerbitan yang terpilih untuk kajian pula hanya terhad kepada penulisan dalam bahasa Melaya dan bahasa Inggeris sahaja. Kritikan serta cadangan terhadap permasalahan tersebut adalah berlandaskan tiga nilai penyebaran idea yang dilaksanakan oleh Pergerakan Arts and Crafts di Britain dan Institusi Deutsche Werkbund di Jerman iaitu penglibatan pelbagai pihak dalam penghasilan penerbitan, penerbitan yang menekankan isu seni bina dan kemasyarakatan dan wujud penerbitan khas dalam mengetengahkan isu identiti seni bina. Dalam kajian terhadap permasalahan penerbitan isu-isu identiti seni bina di Malaysia, sampel kajian terdiri daripada 674 penerbitan mengenai isu tersebut sejak tahun 1957 hingga awal era 2000 dan ianya dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu :

### **Penerbitan Khusus Bidang Seni Bina di Malaysia**

1. **Buku** – kritikan seni bina, identiti, sejarah seni bina, seni bina tradisional, teknologi seni bina, grafik seni bina dan teknikal seni bina (66 buah).
3. **Majalah** – PETA, Majallah Akitek dan Architecture Malaysia (46 artikel).



### **Isu Seni Bina di Dalam Penerbitan Popular di Malaysia**

1. **Keratan akhbar** – Utusan Malaysia, Berita Harian, NST, The STAR, Malay Mail, Kosmo! (400 artikel).
2. **Majalah** – Dewan Masyarakat dan Dewan Budaya (162 artikel).

Dalam melakukan kajian mengenai sejarah dan perkembangan Pergerakan Arts and Crafts dan Institusi Deutsche Werkbund, empat buah buku yang membincangkan mengenai kedua-dua pergerakan tersebut dijadikan sebagai rujukan utama. Buku pertama yang terlibat dalam kajian ini ialah Art and Craft Architecture : The Search for Earthly Paradise karya Peter Davey dan diterbitkan oleh Architectural Press : London (1980). Ianya merupakan buku sejarah pertama mengenai Pergerakan Arts and Crafts yang dihasilkan secara lengkap dan menyeluruh. Mengandungi 16 bab, penulisan buku tersebut merangkumi sejarah pembentukan awal pergerakan tersebut dari peringkat pembangunan idea oleh tokoh-tokoh seperti A.W.N. Pugin, John Ruskin dan William Morris kepada pelaksanaan aktiviti melalui penubuhan *Guild* dan proses reformasi terhadap reka bentuk oleh ahli-ahlinya.

Buku kedua yang dijadikan rujukan pula ialah The Art and Craft Movement karya Elizebeth Cumming dan Wendy Kaplan dan diterbitkan oleh Thames and Hudson (1995). Ianya merupakan sebuah lagi buku yang memaparkan secara lengkap mengenai sejarah dan perkembangan Pergerakan Arts and Crafts. Selain memaparkan penulisan yang lebih tersusun dan ringkas, buku ini juga mengetengahkan beberapa topik yang tidak diterangkan secara terperinci dalam penulisan sebelumnya seperti proses pembelajaran oleh ahli Pergerakan Arts and Crafts yang melibatkan pemindahan teknologi dari luar negara.

Dalam melakukan kajian mengenai Institusi Deutsche Werkbund pula, dua buah buku yang memaparkan sejarah dan perkembangan institusi tersebut dijadikan sebagai bahan rujukan utama. Buku ketiga yang terlibat dalam kajian ini ialah The German Werkbund : The Politics of Reform in the Applied Arts karya Joan Cambell dan diterbitkan oleh Princeton University Press (1976). Buku yang memaparkan sejarah dan perkembangan lengkap Institusi Deutsche Werkbund daripada peringkat pembangunan idea, penubuhan,

perkembangan ideologi, zaman kegemilangan serta kejatuhannya merupakan sumber penulisan kedua (*secondary resource*) mengenai institusi tersebut. Penulisan buku ini juga dianggap sebagai himpunan utama dari puluhan penulisan mengenai sejarah dan perkembangan Werkbund yang hampir keseluruhannya dihasilkan dalam bahasa Jerman.

Buku yang keempat terlibat dalam kajian ini pula ialah The Werkbund : Studies In The History And Ideology Of The Deutsche Werkbund 1907 – 1933 karya Lucius Burchardt, diterjemahkan oleh Pearl Sanders dan terbitkan oleh The Design Council (1979). Buku yang menghimpunkan penulisan artikel dari beberapa orang penulis seperti Julius Posener, Hanro-Walter Kruff, Goerd Peschken dan Tilmann Heinisch tersebut memaparkan sejarah dan perkembangan ideologi Werkbund pada sebelum dan selepas perang dunia pertama. Antara perkara yang menarik tentang buku ini ialah mengenai perkembangan institusi tersebut yang dipecahkan kepada tiga peringkat yang mana pada setiap peringkat perkembangannya akan melibatkan perubahan dari segi ideologi dan pendekatan dalam pelaksanaan aktiviti.

Di akhir kajian mengenai Pergerakan Arts and Crafts dan Institusi Deutsche Werkbund, satu kesimpulan mengenai persamaan nilai dalam penyebaran idea kepada masyarakat oleh kedua-dua pergerakan tersebut akan dilaksanakan. Persamaan nilai dalam penyebaran idea melalui penerbitan kepada masyarakat oleh kedua-dua pergerakan tersebut kemudiannya dijadikan asas terhadap kritikan dan cadangan strategi penyebaran idea identiti seni bina kepada masyarakat di Malaysia pada masa akan datang.

#### **1.4 Struktur Kajian**

Penulisan kajian ini terdiri daripada sembilan bab yang mana bab pertama merupakan pendahuluan kajian yang akan membincangkan tentang latar belakang, masalah, tujuan penulisan, metodologi dan skop pembahasan serta struktur penulisan daripada kajian ini.

Bab dua pula membincangkan mengenai beberapa pendekatan dalam kajian dan penulisan oleh penggiat serta tokoh seni bina mengenai isu identiti seni bina di Malaysia. Secara umumnya terdapat dua pendekatan utama dalam kajian dan penulisan isu identiti seni bina di Malaysia sejak empat dekad yang lalu iaitu pandangan terhadap

permasalahan identiti seni bina dari sudut pendekatan reka bentuk dan pandangan terhadap permasalahan tersebut dari sudut pelaksanaan aktiviti. Kajian mengenai beberapa pendekatan dalam kajian yang telah dilaksanakan tersebut bertujuan untuk mengenal pasti kedudukan tesis ini.

Penulisan bab tiga pula bertujuan untuk menjelaskan pendirian tesis ini berhubung dengan maksud identiti seni bina nasional dan peranan yang harus dimainkan oleh masyarakat dalam pembangunannya. Pada peringkat awal penulisan bab ini, ianya megetengahkan pandangan tokoh seni bina dari dalam dan luar negara mengenai maksud identiti seni bina nasional, seterusnya ianya memaparkan permasalahan semasa dan peranan yang harus dimainkan oleh masyarakat dalam agenda pembangunan identiti seni bina nasional pada masa akan datang. Dalam membicarakan mengenai permasalahan semasa yang dihadapi masyarakat akibat daripada krisis identiti seni bina nasional, isu-isu seperti keselesaan, keselamatan kanak-kanak, komuniti dan privasi antara yang diketengahkan. Pembangunan identiti seni bina di Malaysia sejak empat dekad yang lalu yang melihat kepada aspek gaya rupa dan bangunan tertentu sahaja menyebabkan beberapa sektor seni bina yang memainkan peranan penting terhadap pembangunan sahsiah masyarakat seperti perumahan moden dan sekolah tidak diberi perhatian. Akibatnya, masyarakat sebagai pengguna utama kepada produk seni bina tersebut telah menjadi mangsa kepada krisis identiti seni bina yang berlaku di mana permasalahan seperti ketidak-selesaan, jenayah, kemalangan yang menimpa kanak-kanak dan sebagainya terpaksa dihadapi oleh mereka. Dalam usaha mengatasi permasalahan tersebut, penulisan bab ini telah mengetengahkan pendapat bahawa elemen kemasyarakatan perlu dijadikan teras kepada pembinaan identiti seni bina di Malaysia pada masa akan datang dan masyarakat juga perlu memainkan peranan yang penting dalam pembangunan identiti seni bina tersebut.

Penulisan bab empat merupakan kesinambungan kepada perbincangan dari bab tiga yang mana masyarakat perlu memainkan peranan yang penting dalam agenda pembangunan identiti seni bina di negara ini. Walau bagaimanapun, antara permasalahan utama yang dihadapi oleh masyarakat umum di Malaysia ialah kurangnya pengetahuan mereka mengenai bidang seni bina khususnya berkaitan dengan isu identiti seni bina nasional. Bagi mengatasi permasalahan tersebut, para pelopor dan penggerak identiti seni

bina di negara ini perlu melaksanakan aktiviti penyebaran idea kepada masyarakat dan berdasarkan beberapa pendapat bukan sahaja dari bidang seni bina tetapi juga meliputi bidang-bidang yang lain, kaedah penyebaran idea melalui penerbitan dilihat sebagai antara yang paling sesuai digunakan. Persoalan yang seterusnya ialah mengenai arah tuju proses penyebaran idea melalui penerbitan yang bakal dilaksanakan yang mana pada akhir penulisan bab ini, satu cadangan telah dikemukakan agar kejayaan mana-mana tokoh atau pergerakan seni bina di masa lampau dalam melaksanakan program penyebaran idea mereka boleh dijadikan pengajaran.

Penulisan bab lima merupakan pengenalan terhadap dua buah pergerakan seni bina yang telah menunjukkan kejayaan yang mengkagumkan bukan sahaja dalam pembinaan identiti seni bina nasional tetapi juga dalam pelaksanaan aktiviti penyebaran idea kepada masyarakatnya iaitu Pergerakan Arts and Crafts di Britain dan Institusi Deutsche Werkbund di Jerman. Antara perkara yang disentuh dalam penulisan bab ini ialah mengenai sejarah dan perkembangan kedua pergerakan tersebut, tokoh-tokoh yang menjadi pelopor serta bentuk revolusi reka bentuk yang telah dilaksanakan oleh kedua-duanya. Selain daripada itu, beberapa bentuk penyebaran idea kepada masyarakat oleh kedua-dua pergerakan tersebut telah diketengahkan termasuk juga kaedah penyebaran idea melalui penerbitan.

Penulisan bab enam pula menyetengahkan kajian yang lebih terperinci mengenai kaedah penyebaran idea melalui penerbitan oleh Pergerakan Arts and Crafts dan Institusi Deutsche Werkbund. Walaupun sesetengah kaedah penyebaran idea tersebut telah diketengahkan dalam penulisan bab lima, namun dalam penulisan bab ini, huraian yang lebih lanjut mengenainya telah dilaksanakan. Di akhir penulisan bab ini, satu kesimpulan telah dibuat yang mana terdapat banyak persamaan nilai yang dilaksanakan oleh kedua-dua pergerakan tersebut dalam aktiviti penyebaran idea mereka kepada masyarakat. Walau bagaimanapun, bagi tujuan pengajaran terhadap proses penyebaran idea identiti kepada masyarakat di Malaysia pada masa akan datang, penulisan bab ini telah menggaris tiga nilai utama yang menjadi kunci kejayaan aktiviti penyebaran idea oleh kedua-dua pergerakan tersebut iaitu penglibatan menyeluruh daripada tokoh dan penggerak dalam penghasilan penerbitan, wujudnya penerbitan yang menyentuh isu seni bina dan kemasyarakatan dan kewujudan medium penyebaran idea khas kepada penulisan

yang dihasilkan. Tiga nilai penyebaran idea yang telah dipraktikkan oleh Pergerakan Arts and Crafts dan Institusi Deutsche Werkbund merupakan sesuatu yang berpotensi untuk dilaksanakan dalam konteks penyebaran idea identiti seni bina di Malaysia pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, penulisan bab ini berpendapat bahawa kajian lanjut mengenai permasalahan penerbitan isu seni bina di Malaysia sejak empat dekad yang lalu perlu dilaksanakan berdasarkan tiga nilai penyebaran idea yang telah digariskan tersebut.


Penulisan bab tujuh telah mengetengahkan kajian lanjut mengenai permasalahan penyebaran idea identiti seni bina di Malaysia sejak empat dekad yang lalu berdasarkan tiga nilai penyebaran idea yang telah dilaksanakan oleh Pergerakan Arts and Crafts dan Institusi Deutsche Werkbund. Ianya melibatkan kajian terhadap 674 sampel penerbitan isu seni bina yang terdiri daripada buku, artikel di majalah dan keratan akhbar sejak tahun 1957 hingga awal era 2000. Hasil daripada kajian yang dilaksanakan, apa yang dapat disimpulkan ialah tiga nilai penyebaran idea yang dipraktikkan oleh Pergerakan Arts and Crafts dan Institusi Deutsche Werkbund tidak dilaksanakan secara meluas atau bersistematik dalam proses penyebaran idea identiti seni bina melalui penerbitan di Malaysia sejak empat dekad yang lalu. Justeru, penulisan bab ini mencadangkan agar strategi penyebaran idea identiti seni bina melalui penerbitan di Malaysia pada masa akan datang perlu berlandaskan tiga nilai penyebaran idea yang dipraktikkan oleh Pergerakan Arts and Crafts dan Institusi Deutsche Werkbund tersebut.

Penulisan bab lapan mengetengahkan beberapa cadangan terhadap kaedah penyebaran idea identiti seni bina di Malaysia pada masa akan datang berdasarkan tiga nilai penyebaran idea yang dipraktikkan oleh Pergerakan Arts and Crafts dan Institusi Deutsche Werkbund. Selain mengetengahkan cadangan mengenai strategi penyebaran idea, peranan yang seharusnya dimainkan oleh pelbagai pihak dalam menjayakannya juga telah diketengahkan. Selain mengharapkan penyertaan aktif pelbagai pihak yang telah sedia wujud dalam menjayakan pelaksanaan aktiviti penyebaran idea tersebut, penulisan bab ini juga turut mencadangkan penubuhan Pusat Kajian Seni Bina Malaysia yang mana ianya akan memainkan peranan yang lebih khusus sebagai penyelarasan dan pemangkin kepada pelaksanaan penyebaran idea identiti seni bina di Malaysia pada masa akan datang.

Bab sembilan merupakan kesimpulan terhadap tesis ini. Perkara utama yang dipertekankan dalam penulisan bab tersebut ialah tesis ini bukanlah satu-satunya jawapan terhadap permasalahan dalam penyebaran idea identiti seni bina kepada masyarakat di Malaysia. Justeru, tiga kajian lanjutan telah dicadangkan agar dapat dilaksanakan pada masa hadapan. Dengan terlaksananya kajian lanjutan tersebut, ianya bukan sahaja dapat mengetengahkan beberapa permasalahan baru berkaitan dengan usaha penyebaran idea identiti seni bina kepada masyarakat tetapi juga beberapa strategi baru terhadap usaha penyebaran idea tersebut pada masa akan datang dapat diketengahkan.

### **1.5 Rumusan**

Kajian ini cuba mengupas permasalahan dalam penyebaran idea kepada masyarakat sebagai salah satu punca kepada kesukaran mewujudkan identiti seni bina di Malaysia setelah lebih empat dekad ianya dilancarkan. Tiadanya kesinambungan di antara idea identiti seni bina yang dicetuskan oleh para pemikirnya dengan masyarakat yang berperanan sebagai pengguna atau penaung kepada sesuatu hasil seni bina menyebabkan agenda tersebut tidak berkembang dan menjadi isu elit di kalangan ahli seni bina sahaja. Permasalahan penyebaran idea seni bina ke peringkat akar umbi dilihat sebagai salah satu penyebab tiadanya kesinambungan idea tersebut dan bidang penerbitan yang mempunyai peranan serta pengaruh besar dalam menyebarkan sesuatu idea kepada masyarakat dipilih sebagai bahan kajian. Kajian terhadap permasalahan penyebaran idea identiti seni bina kepada masyarakat melalui penerbitan di Malaysia dilaksanakan terhadap 674 sampel penerbitan seni bina yang dihasilkan sejak 1957 hingga awal era 2000. Dalam membina asas kritikan dan cadangan terhadap permasalahan penyebaran idea identiti seni bina melalui penerbitan di Malaysia, nilai penyebaran idea melalui penerbitan oleh Pergerakan Arts and Crafts di Britain dan Institusi Deutsche Werkbund di Jerman, dipilih sebagai bahan rujukan utama.



**Carta 1.0 : Struktur Tesis**

creative arts - seni kreatif creative growth - pertumbuhan kreatif creative-conceptual stage - tahap kreatif berkonsep credit card - kad kredit credit guarantee scheme - skema jaminan kredit; skim jaminan kredit credit credit credit proposal - kertas kerja kredit creek - caruk creekology - krikologi creel census banci jaras creep - rayapan creep barrier sawar rayap creep behaviour perlakuan rayap creep feed - makanan pemula creep intensity - keamatan rayap creep limit had.Â dequeue - giliran dua hujung derangement - derangement derating engine - enjin nyahkadaran deratting awatikus; nyah tikus deratting certificate - sertifikat bebas tikus; sijil bebas tikus derdritic silicon - silikon dendrit. derelict - kapal terlantar derelict Krisis identiti seni bina Malaysia yang wujud sejak empat dekad yang lalu mengundang pelbagai kritikan dan pandangan dari tokoh seni bina di negara ini. Masalah penyebaran idea seni bina melalui penerbitan dikatakan antara punca wujudnya krisis identiti seni bina tersebut. Antara isu yang diketengahkan ialah isi kandungan penulisan yang meyempitkan lagi istilah seni bina Krisis identiti seni bina Malaysia yang wujud sejak empat dekad yang lalu mengundang pelbagai kritikan dan pandangan dari tokoh seni bina di negara ini. Masalah penyebaran idea seni bina melalui penerbitan dikatakan antara pun